

Headline	Caltex Fuel Your School bantu sekolah awam di Kedah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	30	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	151 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,936
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,808



## Caltex Fuel Your School bantu sekolah awam di Kedah

PROGRAM komuniti bersama Caltex Fuel Your School berjaya mengutip dana sebanyak RM129,045 untuk menyokong keperluan para pelajar di sekolah awam di Kedah.

Hasil perolehan itu akan digunakan sebagai dana untuk melaksanakan projek-projek dalam bilik darjah bagi menyemarakkan minat para pelajar dalam bidang sains, teknologi, bahasa Inggeris dan matematik (STEM).

Dana kutipan itu dijangka membawa manfaat kepada 1,000 pelajar di negeri itu. Program Caltex Fuel Your School terbentuk menerusi kerjasama antara Chevron Malaysia Ltd. (Chevron Malaysia) dan MyKasih Foundation. Chevron Malaysia ialah pengendali runcit produk jenama Caltex di Malaysia.

Pengurus Polisi, Perhubungan Awam dan Kerajaan bagi Chevron Malaysia, Mokhtar Ali Ismail berkata, kejayaan program itu adalah usaha bersama para pelajar, para pendidik, pengendali stesen Caltex, orang awam dan MyKasih Foundation.

"Kami gembira Caltex Fuel Your School membawa impak di Kedah khususnya kepada sekolah awam yang mana majoritinya adalah pelajar daripada golongan berpendapatan rendah," katanya dalam satu kenyataan di ibu negara baru-baru ini.

Sejak program Caltex seperti Fuel Your School dan Driving Change diadakan, ia berjaya

membawa manfaat kepada lebih 600 orang pelajar yang kurang bernasib baik di 11 buah negeri termasuk Perak, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Terengganu dan Kedah.



**PARA** guru yang menerima dana Caltex Fuel Your School bergambar bersama pengurusan tertinggi Chevron Malaysia dan MyKasih Foundation di Kedah baru-baru ini.